



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI**

**KETETAPAN UMUM**

**PERBELANJAAN KERAIAN**

**KETETAPAN UMUM  
NO. 3/2004**

**TARIKH KELUARAN: 8 NOVEMBER 2004**



## PERBELANJAAN KERAIAN

Ketetapan Umum No. 3/2004

Tarikh Keluaran: 8 November 2004

### LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

#### KANDUNGAN

#### Mukasurat

|    |  |   |
|----|--|---|
| 1. | Pendahuluan  | 1 |
| 2. | Interpretasi   | 1 |
| 3. | Peruntukan am potongan   | 1 |
| 4. | Peruntukan potongan yang khusus untuk perbelanjaan keraian             | 1 |
| 5. | Proviso kepada perenggan 39(1)(l) Akta                                 | 2 |
| 6. | Perbelanjaan yang tidak dibenarkan di bawah perenggan<br>39(1)(l) Akta | 6 |

#### KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Malaysia**



## PERBELANJAAN KERAIAN

Ketetapan Umum No. 3/2004

Tarikh Keluaran: 8 November 2004

### LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

1. Ketetapan ini menjelaskan berkenaan layanan cukai ke atas perbelanjaan keraian sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan.
2. Peruntukan yang berkaitan adalah seksyen 18, subseksyen 33(1), perenggan 39(1)(l) dan (m) **Akta Cukai Pendapatan, 1967** (Akta).
3. Perkataan-perkataan yang diguna pakai dalam Ketetapan ini memberi maksud berikut:
  - 3.1 “Keraian” termasuk:
    - (i) peruntukan makanan, minuman, rekreasi atau sebarang bentuk hospitaliti; atau
    - (ii) peruntukan tempat kediaman atau perjalanan yang berkaitan dengan atau bertujuan untuk memudahkan pemberian keraian yang jenisnya adalah seperti yang dinyatakan dalam perenggan (i) di atas, oleh seorang atau pekerjaanya berhubung dengan satu perdagangan atau perniagaan yang dijalankan oleh orang itu.
  - 3.2 “Keraian berkaitan semata-mata dengan jualan” bermaksud keraian yang khususnya berkaitan dengan jualan yang diberikan kepada pelanggan, wakil penjual dan pengedar tetapi tidak termasuk pembekal.
  - 3.3 “Rekreasi dan hospitaliti” termasuk:
    - (i) lawatan ke taman permainan atau pusat rekreasi;
    - (ii) penginapan di tempat peranginan;
    - (iii) tiket ke pertunjukan pementasan atau panggung wayang; dan
    - (iv) hadiah dan pemberian.

#### 4. Peruntukan am potongan

Pada amnya, menurut subseksyen 33(1) Akta, sesuatu perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata di dalam menghasilkan pendapatan adalah dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar. Perbelanjaan yang tergolong di bawah subseksyen 39(1) Akta tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar.

#### 5. Peruntukan potongan yang khusus untuk perbelanjaan keraian

Berhubung dengan perbelanjaan yang tertakluk di bawah definisi “keraian” mengikut seksyen 18 Akta yang telah dilakukan kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan di bawah subseksyen 33(1) Akta, sejumlah amaun yang bersamaan dengan



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

# **PERBELANJAAN KERAIAN**

**Ketetapan Umum No. 3/2004**  
**Tarikh Keluaran: 8 November 2004**

lima puluh peratus (50%) perbelanjaan tersebut tidak boleh dibenarkan mengikut perenggan 39(1)(l) Akta melainkan bagi kategori perbelanjaan keraian yang dinyatakan di bawah proviso (i) hingga (vii) kepada perenggan 39(1)(l) Akta.

### **6. Proviso kepada perenggan 39(1)(l) Akta**

Perbelanjaan keraian di bawah kategori berikut yang termasuk dalam proviso kepada perenggan 39(1)(l) Akta adalah dibenarkan sepenuhnya. Kategori perbelanjaan keraian dengan contoh-contohnya adalah seperti berikut:

#### **6.1 Keraian Yang Diperuntukkan Kepada Pekerja**

Perbelanjaan makanan, minuman dan rekreasi yang diperuntukkan kepada pekerja-pekerja kecuali di mana perbelanjaan tersebut adalah sampingan kepada peruntukan keraian kepada orang lain. Contoh-contoh perbelanjaan keraian adalah perbelanjaan makanan dan minuman percuma, jamuan makan malam tahunan, temasya, hari keluarga atau keahlian kelab kepada pekerja-pekerjanya. Di mana kos temasya, hari keluarga meliputi kos tambang perjalanan, makanan dan penginapan, hanya amaun yang berkaitan dengan makanan dan penginapan sahaja dibenarkan. Kos tambang perjalanan bukan satu perbelanjaan yang dibenarkan kerana ianya tidak dibenarkan secara khusus di bawah perenggan 39(1)(m) Akta.

#### **Contoh 1**

Active Sdn Bhd meraikan pembekal-pembekalnya pada 15 Disember 2004 dan perbelanjaannya adalah RM3,000. Beberapa orang pekerja syarikat juga turut hadir.

*Oleh kerana tujuan utama keraian adalah untuk pembekal-pembekal Active Sdn Bhd, amaun lima puluh peratus (50 %) adalah tidak dibenarkan sementara bakinya adalah dibenarkan.*

#### **Contoh 2**

Mestijaya Sdn Bhd meraikan pekerja-pekerjanya pada majlis makan malam tahunan pada 10 Disember 2004. Beberapa orang pembekal juga dijemput menghadiri majlis tersebut. Perbelanjaan majlis makan malam tersebut adalah RM10,000.

*Oleh kerana keraian yang diperuntukkan kepada pembekal-pembekal Mestijaya Sdn Bhd adalah hanya sampingan kepada peruntukan keraian untuk pekerja, amaun penuh yang dilakukan sebanyak RM10,000 adalah dibenarkan.*

#### **Contoh 3**



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

# **PERBELANJAAN KERAIAN**

**Ketetapan Umum No. 3/2004**  
**Tarikh Keluaran: 8 November 2004**

Bagi memupuk semangat nilai kekeluargaan di kalangan pekerjanya, Warna Sdn Bhd mengadakan hari keluarga untuk pekerjanya di Langkawi. Jumlah kos yang dilakukan adalah sebanyak RM70,000 yang terdiri daripada RM40,000 untuk tambang perjalanan dan RM30,000 untuk makanan, minuman dan penginapan.

*Warna Sdn Bhd dibenarkan potongan bagi kos makanan, minuman dan penginapan yang dibelanjakan ke atas pekerjanya berjumlah RM30,000. Warna Sdn Bhd tidak dibenarkan apa-apa potongan bagi kos tambang perjalanan yang berjumlah RM40,000.*

### **6.2 Pemberian keraian untuk sesuatu bayaran yang berlaku dalam perjalanan biasa perniagaan**

Perbelanjaan ke atas keraian yang diperuntukan kepada klien atau pelanggan untuk sesuatu bayaran yang dilakukan dalam perjalanan biasa perniagaan di mana jenis perniagaan adalah pemberian keraian untuk mendapatkan bayaran. Contoh-contoh keraian tersebut adalah:

- (i) Peruntukan pertunjukan kebudayaan oleh restoran atau hotel di premis mereka bagi meraikan pelanggan-pelanggan.
- (ii) Makanan yang disediakan oleh syarikat penerbangan atau perniagaan pengangkutan lain kepada penumpang-penumpangnya.

Perbelanjaan keraian diperuntukkan oleh seorang secara percuma kepada klien atau pelanggan perniagaan yang bukan dalam keadaan biasa perniagaan adalah tidak dibenarkan.

### **Contoh 4**

Syarikat Top Auto Service yang menjalankan perniagaan servis kereta menyediakan makanan ringan seperti teh, kopi, sandwic untuk pelanggan yang menunggu kereta mereka diservis. Pelanggan tidak dikenakan bayaran untuk makanan ringan yang diberikan.

*Perbelanjaan keraian yang dilakukan ke atas makanan ringan oleh Syarikat Top Auto Service adalah tidak dibenarkan kerana ianya bukanlah perjalanan biasa perniagaan servis kereta untuk memberikan keraian tersebut. Walau bagaimanapun, perbelanjaan ini layak mendapat potongan di bawah proviso (vii) kepada perenggan 39(1)(l) Akta.*

### **6.3 Pemberian hadiah-hadiah promosi di pameran perdagangan atau pameran perusahaan di luar Malaysia**



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

# **PERBELANJAAN KERAIAN**

**Ketetapan Umum No. 3/2004**  
**Tarikh Keluaran: 8 November 2004**

Perbelanjaan yang dilakukan atas hadiah-hadiah promosi di pesta perdagangan atau pameran perdagangan atau pameran perindustrian yang diadakan di luar Malaysia bagi tujuan mempromosikan eksport dari Malaysia. Contoh-contoh perbelanjaan keraian tersebut adalah perbelanjaan yang dilakukan ke atas sampel-sampel produk perniagaan, cenderahati kecil, beg dan tiket perjalanan yang diperuntukan sebagai hadiah kepada pelanggan atau pengunjung ke pesta perdagangan atau pameran perdagangan atau pameran perindustrian yang diadakan di luar Malaysia.

### **6.4 Pemberian sampel-sampel promosi keluaran perniagaan**

Perbelanjaan yang dilakukan atas sampel-sampel promosi produk perniagaan bagi tujuan mengiklankan produk tersebut sebagai contoh:

- (i) Minuman atau makanan percuma yang diperuntukan oleh sesuatu restoran.
- (ii) Sampel-sampel minuman percuma yang adalah keluaran perniagaan yang diberi kepada sekolah atau untuk upacara-upacara.
- (iii) Sampel-sampel percuma produk yang dikilangkan/ diedarkan oleh perniagaan atau sampel percuma bagi produk baru.

### **6.5 Pemberian keraian untuk upacara-upacara kebudayaan atau kesukunan yang terbuka kepada orang awam semata-mata untuk mempromosi perniagaan**

Perbelanjaan yang dilakukan bagi mengadakan keraian untuk upacara-upacara kebudayaan atau kesukunan yang dibuka kepada orang awam bertujuan mempromosi perniagaan. Contoh-contoh keraian tersebut adalah:

- (i) Upacara kebudayaan yang berkaitan dengan mempromosi seni seperti lukisan, ukiran, muzik, drama dan tarian. (Perbarisan Hari Kebangsaan tidak dianggap sebagai satu upacara kebudayaan).
- (ii) Upacara kesukunan sebagai contoh, pertandingan badminton, pertandingan golf, acara lumba kereta atau renang.

Dalam mengadakan upacara-upacara kebudayaan dan kesukunan, pengajur mungkin membayar yuran kepada artis-artis atau olahragawan, membayar kos tambang perjalanan, penginapan, makanan atau rekreasi atau baju-t untuk artis-artis dan olahragawan tersebut. Proviso ini termasuk pengajuran upacara kebudayaan atau kesukunan. Upacara-upacara ini mesti dibuka kepada orang awam. Sekiranya upacara dibuka kepada ahli-ahli sahaja, ia tidak dianggap sebagai dibuka kepada orang awam.



## **LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

# **PERBELANJAAN KERAIAN**

**Ketetapan Umum No. 3/2004**  
**Tarikh Keluaran: 8 November 2004**

### **6.6 Pemberian hadiah promosi yang mempunyai logo perniagaan dalam Malaysia**

Perbelanjaan ke atas hadiah-hadiah promosi dalam Malaysia yang terdiri daripada artikel-artikel yang memasukkan iklan atau logo perniagaan secara ketara. Potongan yang dibenarkan berhubung dengan hadiah-hadiah promosi yang bukan barang perniagaan dengan syarat artikel-artikel memasukkan pengiklanan yang ketara atau logo perniagaan. Logo sama ada boleh ditampal atau diukir secara timbul atas barang yang dipromosikan. Logo perniagaan merujuk kepada logo syarikat atau logo barang perniagaan.

Selagi hadiah promosi itu diberi tanpa diskriminasi kepada orang ramai, ia layak diberi potongan. (Ini berbeza dengan hadiah-hadiah yang mahal yang diberi kepada orang tertentu sahaja atau di mana tidak terdapat apa-apa hubungan perniagaan, di antara si pemberi dengan penerima transaksi tersebut tidak mewajarkan pemberian hadiah itu dan hadiah itu tidak diberikan kepada mana-mana orang awam lain).

### **6.7 Pemberian keraian semata-mata berkaitan dengan jualan yang terbit daripada perniagaan**

Perbelanjaan yang diperuntukan untuk keraian semata-mata berkaitan dengan jualan yang terbit daripada perniagaan. Berikut adalah contoh-contoh perbelanjaan tersebut:

- (i) Makan minum sempena pelancaran sesuatu produk baru.
- (ii) Baucer yang boleh tebus berdasarkan pembelian yang dibuat.
- (iii) Baucar diskaun, baucar membeli-belah, tiket-tiket konsert atau wayang, baucar-baucar makanan atau hadiah dan baucer tunai.
- (iv) Hadiah percuma bagi pembelian melebihi jumlah tertentu.
- (v) Penebusan hadiah berdasarkan skim pengumpulan mata.
- (vi) Caj penyelenggaraan/perkhidmatan percuma atau caruman kepada dana terikat oleh pemaju perumahan.
- (vii) Hadiah cabutan bertuah kepada pelanggan.
- (viii) Perbelanjaan melancang sebagai insentif kepada wakil penjual yang mencapai sasaran jualan.
- (ix) Perbelanjaan seperti dinyatakan dalam Contoh 4.

### **7. Perbelanjaan yang tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(l) Akta**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI  
MALAYSIA**

**PERBELANJAAN KERAIAN**

**Ketetapan Umum No. 3/2004**  
**Tarikh Keluaran: 8 November 2004**

Perbelanjaan keraian yang dibelanja kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan di bawah subseksyen 33(1) Akta di mana ianya tidak tergolong di bawah mana-mana kategori perbelanjaan yang dinyatakan dalam proviso kepada perenggan 39(1)(l) Akta hanya layak mendapat potongan sebanyak lima puluh peratus (50%) sahaja. Perbelanjaan tersebut termasuk perbelanjaan berikut:

- (i) perbelanjaan yang dilakukan berkaitan dengan transaksi perniagaan yang khusus;
  - (ii) pelanggan atau pembekal yang sedia ada diraikan; dan
  - (iii) elauan dibayar kepada pekerja untuk tujuan membiayai perbelanjaan keraian yang dilakukan oleh pekerja.
8. Pembayar cukai dikehendaki menyimpan rekod-rekod berkaitan dengan perbelanjaan keraian dan rekod-rekod hendak disimpan mengikut kategori perbelanjaan keraian.
9. Contoh yang berikut menghuraikan layanan ke atas perbelanjaan keraian:

***Contoh 5***

Sejahtera Sdn Bhd telah membelanjakan RM100,000 atas keraian dalam tempoh asas untuk tahun taksiran 2004. Huraian perbelanjaan keraian yang kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan adalah seperti berikut:

|   | RM             |
|---|----------------|
| Elaun keraian kepada pekerja  | 10,000         |
| Keraian kepada pembekal   | 5,000          |
| Penganjuran pertunjukan kebudayaan di upacara sukan, terbuka untuk orang awam | 50,000         |
| Hadiah kepada pelanggan untuk pembelian melebihi RM100                        | 15,000         |
| Pelancaran produk baru  | <u>20,000</u>  |
|   | <u>100,000</u> |

*Pengiraan perbelanjaan keraian yang dibenarkan adalah seperti berikut:*

|                                     | <i>Dibelanjakan</i> | <i>Dibenarkan</i> | <i>Tidak dibenarkan</i> |
|-------------------------------------|---------------------|-------------------|-------------------------|
|                                     | <i>RM</i>           | <i>RM</i>         | <i>RM</i>               |
| <i>Elaun keraian kepada pekerja</i> | 10,000              | 5,000             | 5,000 *                 |



## PERBELANJAAN KERAIAN

Ketetapan Umum No. 3/2004

Tarikh Keluaran: 8 November 2004

### LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

---

|  |        |               |              |
|--|--------|---------------|--------------|
| <i>Keraian kepada pembekal</i>                   | 5,000  | 2,500         | 2,500 *      |
| <i>Penganjuran pertunjukan kebudayaan</i>        |        |               |              |
| <i>di upacara sukan terbuka untuk orang awam</i> | 50,000 |               |              |
| <i>Hadiah kepada pelanggan untuk pembelian</i>   |        |               |              |
| <i>melebihi RM100</i>                            | 15,000 | 15,000        |              |
| <i>Pelancaran produk baru</i>                    | 20,000 | <u>20,000</u> |              |
|  |        | <u>92,500</u> | <u>7,500</u> |

Nota:\*

*RM7,500.00 (50% dari RM15,000.00 yang dibelanjakan) adalah tidak dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(l) Akta.*

10. Ketetapan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 2004 dan tahun-tahun taksiran seterusnya.

**Ketua Pengarah  
Hasil Dalam Negeri**